

03 AUG 1996

Umno-anggota

UMNO LEPASKAN 12 ANGGOTA YANG DIGANTUNG

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Tiga belas orang termasuk bekas menteri, Datuk Shahrir Samad, yang digantung keanggotaan mereka dalam Umno, dilepaskan daripada tindakan itu berkuatkuasa hari ini.

Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata rayuan mereka telah dirujuk kepada jawatankuasa teknikal dan dipersetujui Majlis Tertinggi yang bermesyuarat hari ini.

Kes membabitkan anggota-anggota yang dipecat bagaimanapun belum dirujuk kepada jawatankuasa teknikal, kata Timbalan Perdana Menteri kepada pemberita selepas mesyuarat itu yang dipengerusikan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Selain Shahrir, bekas Menteri Kebajikan Masyarakat, yang menganggotai bahagian Johor Baharu, anggota-anggota lain ialah Muhammad Awang (Rantau Panjang), Salimin Kisut (Johor Baharu), Haji Hashim Hamzah (Pasir Mas), Abd. Lah Sani (Gombak), Rifai Mikin (Gombak).

Senator Isli Siput (Labuan), Umar Mokhtar (Taiping), Rokiah Mat Amin (Taiping), Muhammad Noh Padidin (Kuala Langat), Wan Yaakub Wan Sulaiman (Pasir Putih), Abdul Kulop Badok (Taiping) dan Haji Ibrahim Mat (Grik).

Mengenai usul-usul bagi Perhimpunan Agung Umno, Oktober ini, Anwar berkata wakil Pahang akan menjadi pencadang bagi usul ucapan dasar presiden manakala Selangor sebagai penyokong.

Usul pendidikan pula akan dicadangkan oleh Pemuda Umno dan disokong oleh Sabah manakala usul agama akan dikemukakan oleh Terengganu dan disokong oleh Kedah.

Menurutnya, usul ekonomi tidak dibentangkan kerana ia akan dibahaskan pada konvensyen ekonomi negeri yang diadakan selepas perhimpunan itu.

-- BERNAMA

AZZ